

# SEKATAN PERJALANAN

2017



Sekatan perjalanan dikuatkuasakan di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967/  
Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

## Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.

## PENGENALAN

- Sekatan perjalanan dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai korporat
- Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh mengeluarkan sijil sekatan bagi menghalang seseorang meninggalkan negara

## PENGELUARAN SIJIL

- Sijil sekatan perjalanan dihantar ke alamat terakhir pembayar cukai melalui pos berdaftar

## TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

- Individu atau pengarah syarikat hendaklah menjelaskan cukai sepenuhnya berdasarkan sijil yang dikeluarkan

## PERMOHONAN PEMBATALAN SEKATAN PERJALANAN

### Pembatalan

- Bayaran penuh telah dijelaskan seperti amaun di Sijil Sekatan Perjalanan yang dikeluarkan

### Pelepasan Sementara

- Jika tidak dapat menjelaskan tanggungan cukai sepenuhnya, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara bagi perjalanan ke luar negara seperti berikut:
  - ✓ Pembayar cukai atau wakil hadir ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya **7 hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara**
  - ✓ Mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara
  - ✓ Membuat bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah cukai tertunggak dan membuat aturan bayaran ansurans untuk baki selebihnya
  - Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan kepada pembayar cukai dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan

## KAEDAH BAYARAN

Melalui  
TUNAI

By HASIL / Perbankan Internet /  
Kaunter Bank / ATM / CDM /  
Kaunter Bayaran LHDNM



Kemukakan Resit Bayaran  
Ke Cawangan LHDNM

## PERINGATAN

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan, sila jelaskan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan syarikat anda sebelum merancang ke luar negara

Sila semak status sekatan ke luar negara anda melalui  
[www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)